



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

16 Oktober 2015 / 3 Muharram 1437

Pengajaran Disebalik Hijrah Salman Al-Farisi r.a.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ الشَّمْسَ ضِيَاءً وَالْقَمَرَ نُورًا، وَأَنْزَلَ الْقُرْآنَ
لِلْمُتَّقِينَ ذِكْرًا، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَنَّ
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى
اٰلِهِ وَاَصْحَابِهِ صَلَاةً وَسَلَامًا دَائِمِينَ اِلٰى يَوْمٍ تَجِدُ كُلَّ نَفْسٍ مَّا
عَمِلَتْ مُحْضَرًا. اَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ اِلَّا وَاَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Saudara-saudara sidang Jumaat,

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah s.w.t., dengan melaksanakan perintahNya dan meninggalkan segala tegahanNya. Semoga ketakwaan ini menghasilkan kebahagiaan dan kesejahteraan yang kekal abadi.

Saudaraku,

Kita kini sudahpun berada di dalam tahun baru 1437 Hijriyyah. Di dalam musim perayaan seperti ini, kita sering diingatkan tentang peristiwa hijrah Rasulullah s.a.w dari Makkah ke Madinah. Kita juga diajak untuk mengenang pengorbanan golongan Muhajirin dan Ansar demi menjayakan proses hijrah

itu. Namun demikian, ada juga kisah-kisah hijrah para sahabat Rasulullah yang bukan dari kalangan Muhajirin mahupun Ansar. Kisah hijrah mereka juga kaya dengan pengajaran dan tauladan berharga buat kita.

Salah seorang dari mereka ialah Salman Al-Farisi, radhiyallahu 'anhu. Beliau dilahirkan di negara Parsi, di dalam keluarga beragama Majusi yang menyembah api. Sejak dari kecil lagi, Salman ditugaskan keluarganya untuk menjaga api sembahen mereka agar sentiasa menyala.

Pada satu hari, beliau terlihat sekumpulan orang-orang Nasrani beribadat di dalam gereja. Tiba-tiba hatinya terpicat dengan agama mereka. Ayahnya yang mendapat tahu tentang hal itu menjadi marah, lalu merantai dan mengurungnya di dalam rumah. Bagaimanapun, Salman dapat melepaskan diri dan berhijrah ke negeri Syam. Di sana beliau berkhidmat dengan seorang paderi besar agama Nasrani, sehinggalah paderi itu meninggal dunia. Beliau seterusnya berkhidmat dengan paderi yang baru, juga sehingga paderi kedua itu pula meninggal dunia.

Lalu bermulalah satu siri penghijrahan Salman dari satu bandar ke satu bandar, silih berganti beliau berguru dan berkhidmat dengan paderi-paderi yang diharapkan dapat membimbingnya kepada kebenaran. Akhirnya, Salman Al-Farisi mendapat perkhawaran bahawa seorang Nabi akan muncul di tanah Arab

membawa ajaran yang pernah dibawa oleh Nabi Ibrahim. Akan tetapi, dalam perjalanannya menuju ke tempat yang diceritakan kepadanya itu, yaitu Madinah, Salman telah dikhianati orang sehingga dijual sebagai hamba abdi. Namun, berkat keyakinan dan kesungguhannya, Salman akhirnya dapat bertemu Rasulullah s.a.w. dan beriman dengannya.

Begitulah saudara, kita tidak seharusnya mudah berputus asa dalam mencari kejayaan dan kebahagiaan. Biarpun ada kalanya kita merasakan seolah-olah nasib tidak pernah menyebelahi kita. Dunia seolah-olah gelap tanpa sebarang cahaya. Namun, dalam saat-saat getir seperti itu, berpautlah dengan iman yang ada sebagai sumber kekuatan kita. Bukankah Allah sendiri telah menegaskan bahawa Allah tidak akan mengubah keadaan sesuatu kaum, melainkan kaum itu sendiri mengubah keadaan mereka?

Lihatlah bagaimana Salman tetap yakin dan tabah. Biar perlu bersusah payah berhijrah dari satu negeri ke satu negeri, semangatnya tidak pernah pudar. Biar perit diperhambakan orang, namun untuk berpatah balik ke negeri asalnya dan kepada agama lamanya, tidak sama sekali. Apalah nilainya hidup dalam keselesaan, jika jiwa dibelenggu kegelapan. Namun apabila jiwa dapat menikmati kemerdekaan beriman kepada Tuhan, apapun ujian yang menerpa akan dapat dihadapi dengan tabah dan berani. Firman Allah s.w.t. di dalam Surah al-Anfal ayat 74:

وَالَّذِينَ آمَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ آوَوْا
وَنَصَرُوا أُولَئِكَ هُمُ الْمُؤْمِنُونَ حَقًّا لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ﴿٧٤﴾

Yang bermaksud: “Dan orang-orang yang beriman, berhijrah, dan berjuang di jalan Allah, serta orang-orang yang memberi perlindungan dan pembelaan kepada mereka itu, maka semua mereka yang berkenaan adalah orang-orang mukminin yang sebenarnya. Untuk mereka pengampunan dan kurniaan yang melimpah ruah”.

Saudara-saudara yang dirahmati Allah,

Walaupun telah beriman, Salman Al-Farisi r.a. tidak dapat ikut serta dalam pertempuran Badar dan Uhud, kerana ketika itu beliau masih seorang hamba yang dimiliki tuannya.

Bagaimanapun, dengan galakan Rasulullah s.a.w. serta sokongan para sahabat yang lain, Salman berjaya menebus kemerdekaan dirinya, lalu menjadi salah seorang tokoh utama sahabat Nabi yang besar sumbangannya untuk agama Allah. Diantaranya, saudara, ialah sumbangan buah fikirannya semasa peristiwa Khandaq. Salman menyarankan kepada Nabi agar dibuat parit sebagai pertahanan bagi menghalang kemasukan tentera musuh yang hendak menyerang Madinah. Cadangannya itu ternyata amat berkesan, sehingga menyebabkan tentera musuh pulang dalam keadaan hampa dan kecewa. Demikianlah ketokohan Salman Al-Farisi, sehingga amat dihormati dan dikasihi semua.

Saudara, jadikanlah kisah Saidina Salman Al-Farisi r.a. ini sebagai tauladan dan inspirasi. Beliau sering dipuji Nabi, dan disanjung sekalian sahabat Nabi. Bukan kerana keturunannya. Harta kekayaan juga tidak beliau miliki. Beliau hanya seorang pendatang, yang tiba di Madinah sebagai seorang hamba abdi. Tetapi ternyata, kemuliaan diri seorang insan yang sebenarnya adalah dengan kemuliaan yang dianugerahkan Allah, hasil daripada ketakwaan hati dan kemurnian bakti si hamba itu sendiri. Sabda Rasulullah s.a.w.:

مَنْ تَوَاضَعَ لِلَّهِ دَرَجَةً يَرْفَعَهُ اللَّهُ دَرَجَةً ، حَتَّى يَجْعَلَهُ فِي أَعْلَى
عَلِّيْنَ ، وَمَنْ يَتَكَبَّرَ عَلَى اللَّهِ دَرَجَةً ، يَضَعُهُ اللَّهُ دَرَجَةً ، حَتَّى
يَجْعَلَهُ فِي أَسْفَلِ السَّافِلِينَ .

Yang bermaksud: *“Barangsiapa merendah diri untuk Allah satu derajat, Allah akan memuliakannya satu derajat pula, sehinggalah Allah meletakkannya di dalam golongan yang berada di tingkatan yang paling tinggi. Dan barangsiapa menyombong diri terhadap Allah satu derajat, Allah akan merendahkannya satu derajat pula, sehinggalah Allah meletakkannya bersama-sama golongan yang paling hina”*.
[Hadith riwayat Ibn Majah dan Ibn Hibban]

Oleh itu, saudara, jadikanlah Islam dan iman kita sebagai ikatan yang menyatupadukan kita. Perbezaan bahasa, bangsa, budaya, keturunan dan sebagainya, tidak boleh menjadi faktor yang melemahkan kita.

Saidina Salman, sebagai seorang yang berbangsa Parsi di tengah-tengah masyarakat Arab, tidak pernah mengasingkan diri atau merasa tersisih daripada masyarakat yang ada. Beliau tidak teragak-agak menawarkan buah fikiran dan turut sama menyingsing lengan dalam perjuangan.

Inilah yang perlu diusahakan oleh umat Islam pada hari ini, iaitu bersama membulatkan hati untuk menjadi anggota masyarakat yang membuat sumbangan. Tiada siapa boleh meminggirkan kita, selagi kita tidak meletakkan diri kita sendiri di pinggiran. Begitu juga pandangan dan suara kita. Tiada siapa berhak meremehkan buah fikiran kita dan mendakwa pendirian kita kononnya tidak berharga. Melainkan jika kita sendiri yang membina tembok memenjara diri dan masyarakat kita dari turut serta menyumbangkan kesejahteraan buat negara dan dunia.

Semoga Allah s.w.t. menganugerahkan kita keberanian untuk berjalan bersama walaupun terdapat perbezaan sesama kita. Semoga semangat juang Salman Al-Farisi dan sekalian sahabat Nabi terus hidup subur di dalam jiwa umat Islam hingga ke akhir usia dunia ini nanti. Ameen Ya Rabbal Alamin.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.